

Saudara, kenalan punca angkara

B.M'gu 10/9/00

Perogol yang dikuasai nafsu ini menjadikan anak kandung, anak tiri, adik, hatta cucu sekalipun, melampiaskan nafsu...

KAJIAN Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO) mendapati 70 peratus kes rogol dan pencabulan seksual terhadap kanak-kanak perempuan, anak gadis dan wanita berlaku di tempat yang dianggap selamat, sama ada di rumah sendiri atau di rumah saudara-mara yang dikenali.

Malah, lebih 60 peratus mangsa mengenali orang yang merogolnya termasuk saudara terdekat dan kenalan.

Apabila manusia sudah seperti binatang, perogol yang dikuasai nafsu ini menjadikan anak kandung, anak tiri, adik, hatta cucu sekalipun, melampiaskan nafsu asalkan hatinya puas.

Mangsa diberi amaran, diugut bunuh dan dcederakan oleh perogol sekiranya rahsia itu dibocorkan kepada ahli keluarga yang lain. Malah ada pula ibu yang sanggup merahsiakan sahaja perkara tersebut kerana tidak sanggup menanggung malu, lebih-lebih lagi jika yang melakukannya adalah suami sendiri.

Ini menyebabkan perogol tidak segan mengulang perangai kebinatangannya kerana dia yakin kejahatannya tidak akan terbongkar. Sekiranya kes ini dibongkar sekalipun, ia susah untuk dibuktikan di dalam mahkamah.

Jurucakap Majlis Kebajikan Kanak-Kanak Malaysia (MKKM), Shahidah Musa, berkata mangsa pencabulan seksual atau kes rogol yang berlaku berulang-ulang kali sukar mengemukakan bukti di mahkamah kerana hasil pemeriksaan doktor mendapati ini bukanlah kali pertama berlaku ke atas mereka.

"Lainlah kalau doktor dapat me-

ngumpul bukti kukuh seperti kesan air mani perogol atau mencatat sebarang kesan luka di alat sulit atau bahagian anggota badan yang lain. Barulah kes ini dapat dikendalikan pembelaannya di mahkamah dengan mudah," katanya.

Namun, kata Shahidah, tidak semua kes rogol membabitkan memasukkan zakar ke kemaluan mangsa, kerana ada juga kes yang membabitkan penggunaan jari dan benda lain.

"Lebih malang lagi jika mangsa itu adalah kanak-kanak kerana perlakuan seks yang berulang-ulang ini dengan sendirinya mere-

ka akan berkata 'seronok' apabila ditanya oleh peguambela di mahkamah. Ini menyebabkan kes menjadi tidak kukuh dan boleh jadi dengan pengakuannya itu, menyebabkan kes itu dibuang begitu sahaja," tambahnya.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) tahun lalu menerima 304 laporan kes pencabulan seksual kanak-kanak di bawah 18 tahun. Sementara dari keseluruhan kes rogol dan pencabulan seksual itu, hanya tiga hingga empat peratus sahaja yang menang kes dan perogolnya dijatuhkan hukuman mengikut undang-undang.

Apa yang dikatakan rogol ialah apabila berlaku kemasukan zakar ke faraj mangsa tanpa kerelaan. Berhubungan seks secara rela atau terpaksa dengan kanak-kanak di bawah 16 tahun juga dikira rogol. Seseorang yang dipaksa melakukan hubungan seks, atau memasukkan benda lain ke faraj, mulut ataupun duburnya adalah mangsa serangan seksual yang perlu tampil ke hadapan membuat laporan polis.

DI MANA ANDA BOLEH MENDAPAT PERTOLONGAN?

1. Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO) - 03-7563488
2. Persatuan Pergerakan Wanita (AWAM) - 03-7570224
3. TELEDERA - 1-800 88 3040
4. Befrienders - 03-7568144
5. Pusat Krisis Wanita, Pulau Pinang - 04-2280342